

GMI raih perak di ITEX '13

» Projek POLAR bukti pelajar diploma setanding bakal graduan ijazah

German-Malaysian Institute (GMI) meraih Anugerah Perak pada Pameran Teknologi, Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa Ke-24 atau ITEX '13 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Pertandingan menawarkan lebih 23 kategori penciptaan dan inovasi itu memberi pengalaman berharga kepada pelajar GMI kerana dapat melihat sendiri kecanggihan pasukan lawan dalam kalangan pemain industri.

GMI berentap dengan nama-nama besar seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan juga institusi luar negara seperti Oriental Institute of Technology dari Taiwan dan University of Sci-

ence & Technology, China.

Pertandingan dan pameran yang diadakan selama lima hari (9 - 11 Mei 2013) itu menyaksikan sebanyak 31 pasukan menyertai pertandingan bagi kategori Rawatan Khas dan Rawatan Kanak-Kanak (Special Care and Child Care category).

GMI menyandarkan harapan mereka kepada hasil kekuatan inovasi reka cipta enam pelajar tahun akhir program Diploma Mechatronics iaitu Muhammad Syafiq Mohd Yusof, Hazaimah Hashim, Mohd Syahrin Fadzri Mohd Yusof, Razrun Aizu Abd Rashid, Ahmad Afiq Mohamad Takyuddin dan Muhammad Fitri Aminula.

Produk yang dinamakan POLAR - Prototaip Robot Bantuan Sokongan Kaki (*Prototype of Leg Assistance Robot*) menjadi pertaruhan GMI pada ITEX '13.

Ternyata percaturan GMI tidak menghamparkan kerana mereka pulang dengan Anugerah Perak yang secara tidak langsung membuktikan kemampuan cemerlang pelajar GMI peringkat diploma seiring pelajar peringkat ijazah



Pelajar yang mewakili GMI di ITEX '13.

khususnya dari institusi pengajian tinggi tempatan.

Sesi baru dibuka

Pengambilan Julai 2013 untuk program ditawarkan GMI kini dibuka. Pelajar boleh mendaftar dalam talian di www.gmi.edu.my/onlineapp atau e-mel ke marketing@gmi.edu.my untuk pendaftaran atau sebarang pertanyaan. Tempat terhad. Juga hubungi 03-89219344/9288/9368.

GMI menawarkan program peringkat diploma dalam bidang Industrial Electronics dan Teknologi Pengeluaran serta Program Prauniversiti bagi pelajar yang mahu melanjutkan pengajian ke



POLAR - Prototaip Robot Bantuan Sokongan Kaki yang memenangi Anugerah Perak di ITEX '13.

peringkat Ijazah sarjana Muda Kejuruteraan di rangkaian Universiti Sains Gunaan di Jerman.

Kelayakan masuk berdasarkan peringkat pengajian:

Diploma

© SPM/SPMV- sekirang-kurangnya tiga kredit dalam Matematik/ Matematik Tambahan, manapun satu subjek Sains/Teknikal, satu subjek lain dan lulus Bahasa Inggeris.

© Atau STPM minimum satu prinsipal dan satu kredit dalam Matematik/Matematik Tambahan untuk Diploma in Network Security.

© Kelayakan lain, warga negara Malaysia dan tidak kurang 18 tahun sewaktu memohon, tiada halangan fizikal dan tidak rabun warna serta lulus pemeriksaan kesihatan dan ujian air kencing.